133

PENGAMBARAN TELEMOVIE "RAM POM POM" DI UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 April 2011 15:01

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

27 APRIL 2011/23 JAMADILAWAL 1432H

==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dimaklumkan bahawa Reel In Motion Sdn. Bhd. dengan kerjasama UNIFILM, Jabatan Canselori dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menjalankan pengambaran telemovie seperti berikut:

Tajuk : **Ram Pom Pom**
Tarikh : **28 - 29 April 2011 (Khamis - Jumaat)**
Lokasi : **Sekitar kampus UUM**
Pengarah : **Encik Jamal Khan**

Telemovie ini mengisahkan tentang suka duka kehidupan sekumpulan pemain ragbi kampung yang berentap dengan kumpulan pemain ragbi daripada Universiti.

Ia merupakan salah satu usaha awal Universiti untuk memberi pendedahan tentang dunia perfileman dan penyiaran kepada pelajar UUM sekali gus mempromosikan sukan ragbi.

Barisan pelakon yang akan menjayakan telemovie ini ialah **Almy Nadia**, **Ellie Suriati**, **Qazem Nor**, **Saiful Nizam** dan **Jihan (Raja Lawak)** serta dibantu oleh **pelajar Teknologi Media (UUM)**.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Drs. Bambang Suhartono bin Mohd Said di talian 04-928 3088 / 3015 / 3074.

==========

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my